

# Pelajar UPM menang pertandingan inovasi mudah alih.

**Cyberjaya:** Kumpulan QTime dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih menerima Anugerah Projek Terbaik dan Anugerah Pilihan Penonton pada pertandingan inovasi mudah alih yang diadakan bersempena dengan Program MIT Global Start-up Labs Malaysia (MIT GSL) 2015, baru-baru ini.

QTime yang diwakili empat pelajar itu berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM4,500 dan sijil penyerahan.

MIT GSL 2015 anjuran Multimedia Development Corporation Sdn Bhd

(MDEC) dengan kerjasama Unit Keusahawanan Kementerian Pendidikan dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu disertai 35 pelajar tahun akhir bagi bidang Sains Komputer, Kejuruteraan, dan Multimedia.

Program bertujuan memupuk generasi usahawan teknologi muda, membina kapasiti dan perkongsian dengan rakan kongsi universiti selain mewujudkan syarikat baharu yang mampu menarik dana.

Selain itu, program turut mewujudkan satu platform menarik pelajar menceburi keusahawanan teknologi

maklumat dan memberi inspirasi kepada teknologi inovasi.

## Jana pendapatan

Majlis penutup MIT GSL 2015 disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Ir Zaini Ujang.

Yang turut hadir ialah Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana) UKM, Prof Dr Nor Ghani Md Nor; Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED), Prof Madya Datin Dr Shamshubaridah Ramlee dan Pengarah Bahagian Bakat Multimedia Development Cor-



Zaini (belakang, tengah) bersama-sama **pemenang pertandingan inovasi mudah alih** pada MIT GSL 2015.

poration Sdn Bhd (MDEC), Muhammad Imran Kunalan Abdullah.

Zaini berkata, pelajar perlu meneroka peluang untuk menjadi usahawan bagi menjana pendapatan selepas bergraduat kelak.

Beliau berkata, satu lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia - Pendidikan Tinggi (PPPM PT) 2015-2025 turut menekankan kepada usaha melahirkan graduan holistik, berciri keusahawa-

nan dan seimbang.

"Justeru, pelajar perlu mengubah minda daripada menjadi pencari kerja kepada pencipta peluang pekerjaan dengan menceburi bidang keusahawanan," katanya.